Jurnal Arkeologi Malaysia
September 2018, Vol. 31, No. 2, hlm. 51-61
ISSN 0128-0732 e-ISSN 2590-4302
Diterbitkan oleh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia

PENELITIAN AWAL TERHADAP MOTIF HIASAN TIMPANUM GENDANG GANGSA TIMBANG DAYANG, PULAU BANGGI, SABAH

(PRELIMINARY RESEARCH ON DECORATION OF MOTIVES ON BRONZE DRUM TYMPANUM FROM TIMBANG DAYANG, PULAU BANGGI, SABAH)

Nordiana Nasuha Molinka, Baszley Bee B. Basrah Bee & Maureen De Silva

Abstrak

Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang (GGTD) telah memberi impak yang signifikan kepada kajian Zaman Dongson di Malaysia khususnya di Sabah. Sebelumnya, gendang gangsa hanya ditemui di Semenanjung Malaysia iaitu di Sungai Lang, Selangor; Batu Burok, Kuala Terengganu; Tembeling, Pahang; dan Bukit Kuda, Klang, Selangor. Manakala penemuan lain di Borneo ialah dua buah gendang gangsa yang ditemui di Sambas, Kalimantan Barat. GGTD yang berkondisi 30% sempurna dan rapuh kini dipamerkan di Muzium Sabah. Kondisi fizikal ini telah menyukarkan proses kajian fizikalnya khususnya pengecaman motif yang terdapat pada permukaan timpanum dan mantel gendang. Lantaran itu, proses pendokumentasian fizikal gendang ini perlu dilakukan sebelum sebarang usaha konrservasi atau restorasi dilakukan. Sehubungan dengan itu, makalah ini memfokuskan kepada perbincangan mengenai motif dan pola hiasan yang terdapat pada gendang ini. Kajian seumpama ini sangat penting bagi memberikan data dan nilai terhadap gendang ini. Diharapkan dengan adanya kajian ini dapat memberikan penjelasan terkini mengenai hiasan pada timpanum dan meletakkan GGTD setara dengan kajian gendang gangsa yang lain.

Kata kunci: Gendang gangsa, Sabah, motif, pola hiasan.

Abstract

The discovery of Gendang Gangsa Timbang Dayang (GGTD) has a significant impact on Dongson Age studies in Malaysia. Before the discovery of GGTD, bronze drums were found in Peninsular Malaysia such as in Sungai Lang, Selangor; Batu Burok, Kuala Terengganu; Tembeling, Pahang; and Bukit Kuda, Klang, Selangor. In Borneo, another two others bronze drums were found in Sambas, West Kalimantan. GGTD is now displayed at the Sabah State Museum with 70% of the drum damaged. The physical condition rendered it difficult to conduct a physical examination especially in identifying the motifs on the tympanum surface and drum mantel. Therefore, the physical documentation of the drum is required before any conservation or restoration effort could be done. Accordingly, this paper attempts to provide a brief discussion on the motifs and decorative patterns on the drum tympanum. This study is vital to provide data and some values and also can provide the latest information about GGTD tympanum motifs.

Keywords: *Bronze drum, Sabah, motifs, decorative patterns*

Pengenalan

Kebudayaan Zaman Logam di Sabah bermula lebih kurang 2,600 tahun dahulu iaitu sekitar 500 Sebelum Masihi (SM) hingga abad Ke-7 Masihi (M) (Baszley Bee 2011: 1 - 15). Kajian arkeologi di Sabah tertumpu di bahagian timur bermula iaitu di Tingkayu, Hagop Bilo, Gua Madai, Lembah Mansuli, Bukit Tengkorak, Bukit Kamiri, Melanta Tutup dan beberapa lagi tapak lain (Harrisson dan Harrisson 1971; Bellwood 1988; Mokhtar 1997; Mokhtar 2011; Jeffery et al. 2010; Chia 2016). Manakala di bahagian utara Sabah, tapak arkeologi hanya ditemui di Pulau Balambangan (Paleolitik), Pulau Banggi (zaman Logam) dan Simpang Mengayau (tapak arkeologi maritim) di Kudat masing-masing satu tapak berpotensi (Jaffrie 2000; Baszley Bee et al. 2004; Bilcher Bala et al. 2004).

Sehingga tahun 1994, Sabah tidak mempunyai sejarah penemuan gendang gangsa (yang direkodkan). GGTD adalah gendang gangsa tunggal yang ditemui di Malaysia Timur dan merupakan ketiga di Pulau Borneo selepas Sambas I dan II (Juga dikenali sebagai gendang gangsa Bukit Selindung I dan II) di Kalimantan (Sorensen 2002, Calo 2014). Kajian terhadap motif timpanum GGTD sangat penting bagi mendapatkan data yang berkaitan dalam mengenal pasti keberadaan gendang tersebut.

Latar Belakang Tapak

Perjalanan ke kawasan tapak Bukit Timbang Dayang (Peta 1) mengambil masa selama lebih kurang 15 minit dari Pejabat Daerah Karakit, Pulau Banggi; 1 jam 15 minit dari Pekan Kudat ke Karakit menggunakan bot laju. Kedudukan tapak ini berada pada lebih kurang 150 kaki dari aras laut (ARK P1/08). Tapak tersebut merupakan tapak gua batu pasir berkapur yang bersaiz 5 (lebar) x 6 (tinggi) x 10 kaki (panjang) dan hanya mampu dilalui oleh seorang secara mengiring (rebahkan badan) dalam satu-satu masa sahaja (Foto 1).

Foto 1. Pintu gua yang sempit di tapak Bukit Timbang Dayang, Pulau Banggi
Sumber: Unit Arkeologi Muzium Sabah



Peta 1. Kedudukan Tapak Bukit Timbang Dayang

Penemuan GGTD adalah secara tidak sengaja oleh penduduk setempat sebelum diserahkan kepada pihak muzium. Bertitik tolak daripada itu, satu kajian ekskavasi penyelamatan telah dilakukan pada 12 Ogos 1994 sehingga 15 Ogos 1994. Sistem kerja yang sistematik dan lebih teliti tidak dapat dijalankan kerana tapak Bukit Timbang Dayang adalah tapak bukan *'insitu'* dan terganggu oleh pencari harta karun haram. Hasil kajian, tapak tersebut telah dikenal pasti sebagai tapak pengkebumian zaman Logam yang berusia lebih kurang 2,000 – 1,500 tahun dahulu berserta barangan kiriman si mati seperti tembikar yang masih sempurna dan pecahan tembikar yang mempunyai persamaan dengan jumpaan tembikar di Gua Tabon, Palawan, Filipina serta mirip seperti tembikar dalam kebudayaan Sa Hyunh di Vietnam. Selain itu, manik monokrom dan akik turut ditemui (ARK P1/08).

Keadaan Artifak

Keadaan artifak gendang gangsa ketika ditemui adalah separuh lengkap iaitu timpanum berkeadaan rosak sedikit pada bahagian lebihan timpanum, mantel hanya ditemui separuh dan bahagian pemegang hanya ditemui satu daripada empat pemegang (kini kesemua pemegang telah hilang atau rosak). Terdapat sedikit bahagian kaki gendang masih mampu mewakili keseluruhan kaki gendang berkenaan (Foto 2 dan 3). Secara keseluruhannya, hampir 70 % bahagian gendang gangsa adalah rosak atau rapuh kerana terluluhawa. Patina dan tanah masih menyelaputi seluruh artifak memberikan kesan warna hijau dan perang serta menggerutu pada permukaan artifak.

Foto 2. Keadaan timpanum dan mantel Gendang Gangsa Timbang Dayang
Sumber: Unit Arkeologi Muzium Sabah

Foto 3. Bahagian pemegang dan badan gendang gangsa selepas ekskavasi
Sumber: Unit Arkeologi Muzium Sabah

Timpanum GGTD

Timpanum merujuk kepada bahagian atas (*upper part*) pada gendang dan berbentuk *semicircular* dan berfungsi sebagai bidang pemukul/kawasan dipukul untuk menghasilkan bunyi (Kempers 1988). Kebanyakan timpanum gendang seperti gendang Moulie dan gendang gangsa Klang, Selangor (Foto 4) adalah berbentuk bulat. Berbeza dengan bahagian timpanum GGTD yang berbentuk mata (Foto 5). Pada kedua-dua bahagian tepi timpanum terdapat lebihan timpanum yang berukuran lebih kurang 1 – 1.5 inci. Lebihan tersebut menyebabkan timpanum kelihatan membujur dan membentuk seperti mata. Keunikan tersebut memberikan perbezaan pada struktur tipologi jika dibandingkan dengan gendang gangsa di Semenanjung Malaysia (Linehan 1951; Lowenstien 1956; Peacock 1963, 1965, 1969, 1971; Bellwood 1988, Kempers 1988; Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman 1998, 2001; Niita 2002; Leong 1997 & 2002; Mahadi Bahar 2006 dan Adnan 2012. Klasifikasi Heger (Klasifikasi Heger adalah pengkelasan yang dilakukan oleh Franz Heger pada 1902 terhadap 144 buah gendang gangsa. Beliau membahagikan gendang gangsa tersebut kepada empat kelas utama iaitu Heger I – IV berdasarkan bentuk, motif dan hiasan serta komposisi kimia yang terdapat pada gendang tersebut) pada tahun 1902 dan Imamura (2010) tidak membincangkan bentuk timpanum gendang selain daripada berbentuk bulat. Calo (2014) hanya menyebut mengenai penemuan gendang gangsa di Pulau Banggi, Sabah dan mengkasifikasikannya sebagai Heger 1(c).



Foto 4. Timpanum gendang gangsa yang ditemui di Klang, Selangor
Sumber: Diubahsuai daripada *JMBRAS* 24(3) (156)

Foto 5: Timpanum GGTD

Timpanum GGTD mempunyai permukaan yang rata dan mempunyai dua ukuran diameter iaitu lebih kurang 44 - 46 cm (pada bahagian lebihan timpanum) dan lebih kurang 40 cm (ukuran tanpa lebihan timpanum). Selain itu, corak dan ragam hias timpanum GGTD adalah sangat ringkas tidak seperti kompleks.

Corak Dan Ragam Hias

Setiap hiasan atau motif yang tertera pada gendang gangsa mempunyai makna tersendiri dan hiasan sering berubah mengikut zaman, kepercayaan dan pembangunan yang telah dikecapi oleh masyarakat terlibat (Kempers 1988). Dekorasi sangat penting kerana ia adalah refleksi daripada kepercayaan dan sosial masyarakat yang menggunakan atau si pembuat gendang gangsa. Ia juga perlu difahami untuk mengenal pasti kumpulan masyarakat dan geografi yang terlibat (Han Xiaorong 1998). Hiasan gendang biasanya terbentuk daripada imej-imej yang berada di sekitar masyarakat berkenaan. Imej yang terpilih berkemungkinan besar amat mempengaruhi atau penting dalam kehidupan seharian mereka. Contohnya, masyarakat Vietnam percaya bahawa motif pada gendang Dongson adalah menggambarkan seluruh aspek kehidupan mereka sebagai masyarakat agraria iaitu masyarakat yang bertani.

Biasanya, motif hiasan tersebut adalah berbentuk geometri, imej realisitik dan imej tiga dimensi. Motif dan hiasan yang terhasil adalah gambaran terhadap sosial dan kehidupan masyarakat yang terlibat sebagai pembuat dan pengguna gendang gangsa (Han 2004: 17). Motif yang tertera pada timpanum GGTD adalah geometri iaitu motif bintang, bulatan, tangga dan tali. Berkemungkinan besar acuan yang digunakan adalah dihasilkan menggunakan ukiran tangan kerana motif yang kurang seragam dan tidak sekata. Jika merujuk kepada sistem pengkodan motif oleh Kempers (1988) ia disusun 12)øø))_ø)_=)=))?. Tanda "_" dan'?' masing-masing merujuk kepada ruang kosong dan motif tali pada lebihan timpanum kerana motif tersebut tidak terdapat di dalam sistem kod Kempers. Manakala susunan motif mengikut segmen yang terdapat pada timpanum (Foto 6) adalah seperti berikut:

Segmen A: Motif bintang 12 bucu
Segmen B: Motif bulatan bertangen
Segmen C: Motif bulatan bertangen
Segmen D: Ruang kosong
Segmen E: Motif bulatan bertangen (songsang)
Segmen F: Ruang kosong
Segmen G: Motif tangga
Segmen I: Motif tangga
Segmen J: Lebihan timpanum + motif tali



Foto 6. Lakaran timpanum GGTD

a. Motif Bintang

Sesetengah pengkaji menginterpretasikan imej berbucu pada bahagian tengah timpanum sebagai bintang dan terdapat juga yang mengatakannya sebagai matahari. Perbezaan pandangan berlaku kerana ia berkait rapat dengan amalan dan kepercayaan masyarakat pengamal gendang gangsa (Han 2004: 20; Loofs 1991: 39 - 49). Masyarakat primitif Vietnam dan beberapa etnik di Selatan China menyembah matahari sebagai Tuhan (Han 2004: 21). Motif matahari atau bintang adalah ciri khas dalam gendang gangsa dan terletak pada bahagian tengah timpanum. Menurut Kempers (1988), biasanya imej bintang wujud samada berbucu 6, 8, 10, 12, 14 atau 16. Menurut Han lagi, terdapat juga kepercayaan pada Heger IV yang mempunyai 12 bucu dikaitkan dengan 12 bulan dalam setahun. GGTD mempunyai bintang berbucu 12 (Foto 7) yang berdiameter lebih kurang 12 cm dan ukuran setiap bucu adalah tidak seragam. Tidak diketahui jika terdapat imej segitiga di antara bucu bintang (Adnan 2012: 59) kerana terganggu akibat kesan kikisan (Foto 8).



Foto 7. Motif bintang pada bahagian tengah timpanum GGTD

b. Motif Tangga

Motif tangga *(ladders)* merupakan corak yang biasa ditemui pada gendang gangsa. Motif tersebut terbentuk daripada garisan (=) yang disusun secara bertindih sehingga membentuk motif seperti tangga setelah disambungkan oleh garisan panjang pada kedua-dua hujung garisan mengelilingi timpanum (Rujuk Foto 6). Terdapat pengkaji menggambarkan imej tersebut sebagai sikat rambut *(comb teeth)*. Tangga digunakan sebagai bingkai (*frame*) terhadap hiasan o, ø, oo atau øø dan sesetengah hiasan kompleks (Kempers 1988: 95). Lingkaran motif tangga hanya digunakan sebanyak 2 kali iaitu pada segmen G dan I dan membentuk sebagai bingkai.

Foto 8: Kesan kikisan pada timpanum GGTD

c. Motif Bulatan

Motif bulatan pada gendang gangsa di Asia Tenggara mempunyai banyak variasi. Penggunaan motif bulatan juga sering kali ditemui pada kebanyakan gendang gangsa seperti gendang gendang gangsa Sg. Lang, gendang gangsa Bukit Kuda, Klang dan gendang lain di Asia Tenggara. Kepelbagaian jenis imej bulatan tersebut dikelaskan kepada beberapa jenis iaitu seperti bulatan bertangen, bulatan bertitik, bulatan tanpa titik dan bulatan berlapis. Setiap jenis bulatan tersebut mempunyai sub-motif tersendiri. Menurut Kempers (1988), imej bulatan bertangen, tidak bertangen atau bertitik ditemui pada gendang gangsa Dongson. Biasanya, imej bulatan akan diapit oleh motif tangga (=oo= atau =øø=) namun perkara tersebut tidak berlaku pada timpanum GGTD.

Motif bulatan pada timpanum GGTD adalah jenis bulatan bertangen tanpa titik dan bulatan bertangen tanpa titik yang dilukis secara songsang (Rujuk Foto 4). Kedua-duanya mempunyai motif bulatan bersambung antara satu sama lain. Ilustrasi imej tersebut tidak seragam kerana terdapat garisan yang menghubungkan bulatan yang bergaris serong dan garis lurus. Motif bulatan bertangen diulang sebanyak tiga kali pada timpanum GGTD iaitu pada segmen B, C dan E. Pada segmen E, motif tersebut dilukis secara songsang iaitu tangen yang menghubungkan bulatan berkenaan adalah berlawanan arah pada tangen bulatan segmen B dan C.

d. Motif Tali

Imej tali pada GGTD hanya terdapat pada bahagian lebihan timpanum sahaja iaitu pada segmen J (Rujuk Foto 6). Ia seperti menjadi kemasan terakhir untuk memberikan nilai estetika pada gendang

tersebut. Motif tali tersebut hanya melingkari pada bahagian lebihan timpanum tersebut. Motif tersebut jarang dijumpai pada sebarang gendang gangsa di Asia Tenggara sekaligus memberikan keistimewaan kepada GGTD.

e. Ruang kosong

Motif pada timpanum GGTD juga amat unik kerana terdapat dua segmen iaitu pada segmen D dan F didapati kosong. Jika pada gendang gangsa lain seperti gendang gangsa Klang dan gendang-gendang lain di Asia Tenggara, bahagian tersebut adalah segmen yang kompleks kerana mengandungi imej motif burung, manusia atau imej perahu. Motif sedemikian adalah kompleks kerana memerlukan ketelitian dan daya kreativiti yang lebih tinggi berbanding dengan motif bulatan dan motif tangga (Adnan et al. 2011: 21 - 44). Tidak diketahui sebab mengapa ruang kosong tersebut terdapat pada timpanum gendang GGTD. Kemungkinan besar ruang kosong tersebut menunjukkan bahawa GGTD adalah gendang gangsa separa siap atau antara koleksi gendang gangsa terawal dalam kelompok Heger I. Kebanyakan gendang gangsa Heger I pada peringkat awal mempunyai pola hiasan yang bercorak geometri kerana ringkas dan mudah dilakukan.

Rumusan

Setiap motif adalah lambang atau simbol yang menggambarkan masyarakat terlibat. Makna setiap motif tersebut sentiasa berubah mengikut masyarakat dan masa. Walaupun pola hiasan pada GGTD terlalu ringkas dan tidak rumit seperti gendang gangsa yang lain yang mempunyai motif seperti burung, perahu, manusia dan katak. Namun, gendang gangsa Timbang Dayang memiliki nilai estetika tersendiri dan tidak terdapat pada gendang gangsa lain. Hiasan yang ringkas merupakan keistimewaan GGTD dan lebihan timpanum merupakan keunikannya. Secara keseluruhannya, bahagian timpanum GGTD telah mengalami kerosakkan yang teruk akibat patina dan kesan kikisan. Proses pemuliharaan dan rekonstruksi adalah langkah terbaik yang harus dilakukan dengan segera sebelum ia menjadi lagi parah.

Penghargaan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana memberikan geran kajian GUG 0182-2/2017 bagi membiayai projek kajian rekonstuksi gendang gangsa yang ditemui di Pulau Banggi. Tanpa geran kajian tersebut kajian terhadap GGTD tidak dapat berjalan dengan lancar. Tidak lupa juga kepada seluruh warga UPArk, UMS dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menyokong dan sentiasa ringan tangan menghulurkan bantuan.

Rujukan

ARK P1/08 – Timbang Dayang (Fail Muzium Sabah)

Adnan Jusoh. 2012. Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang: Sabah dan Kepentingannya dan Konteks Arkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 25: 49-63

Adnan Jusoh, Yunus Sauman & Zuliskandar Ramli. 2011. Gendang Gangsa di Asia Tenggara: Tinjauan Terhadap Motif Geometri. *SARI* 29(2): 21-44

Bilcher Bala & Baszley Bee Basrah Bee. 2004. Arkeologi maritim Malaysia: *Pengertian dan Sejarah Perkembangan*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Baszley Bee Basrah Bee. 2011. Komuniti Perbatasan Sempadan Prasejarah Sabah dalam Konteks Kebudayaan Awal Utara Kepulauan Borneo. *BUMANTARA* 1(2): 1 – 15.

Baszley Bee Basrah Bee, Bilcher Bala & M.S. Sauffi. 2004. *Penyelidikan Arkeologi Bawah Air di Perairan Tanjung Simpang Mengayau, Kudat Sabah.* Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Bellwood, P. 1988. Archaeological research in South-eastern Sabah. *Sabah Museum Monograph 2.*

Calo, A. 2014. *Trails of Bronze Drums across Early Southeast Asia: Exchange Routes and Connected Cultural Spheres*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Chia, S. 2016. *Arkeologi Bukit Tengkorak Sabah.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Han, Xiaorong. 1998. The present echoes of the ancient bronze drum: Nationalism and Archaeology in modern Vietnam and China. *Journal of the Southeast Asian Sudies Student Asociation* 2(2): 7 – 33.

Han, Xiaorong. 2004. Who Invented the Bronze Drum? Nationalism Politics, and Sino-Vietnamese Archaeological Debate of the 1970s and 1980s. *Asian Prespectives* 43(1): 7 – 33.

Harrison, T. dan Harrison, B. 1971. The prehistory of Sabah. *Sabah Society Journal* 4: 1-272

Imamura, K. 2010. The Distribution of Bronze Drums of Heger I and Pre-I Types: Temporal changes and Historical Background. **東京大学考古学研究室研究紀要. 第*24*号** *(Research Minutes of the University of Tokyo Archaeological Laboratory* 24*:* 29 - 44.

Jaffrie Ignatius. 2000. *Pulau Balambangan dan Sumbangnya Kepada Zaman Paleolitik di Asia Tenggara.* Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.

Jeffery Abdullah. 2013. Lembah Mansuli, Lahad Datu Sabah Dalam Prasejarah Asia Tenggara. *Siri Arkeologi Perdana.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Jeffery Abdullah, Mokhtar Saidin, Mohd Nawawi Mohd Nordin, Rosli Saad, Khairul Anffin Mohd Noh & Peter Molijol. 2010. Kajian Geofizik di Lembah Mansuli, Sabah: Sumbangannya kepada Arkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 23: 103 – 118.

Kempers, B. 1988. *Kettledrums of Southeast Asia.* Rotterdam: A.A. Balkema Publishers.

Linehan, W. 1951. Traces Of A Bronze Culture Associated With Iron Age Implements In The Regions Of Klang And The Tembeling, Malaya. *JMBRAS* 24(3): 1-59.

Linehan, W. 1928. Some Discoveries on the Tembeling. *JMBRAS* 6(4): 66-76.

Loewenstein, J. 1956. The Origin of the Malayan Metal Age. *JMBRAS* 29(2): 5-78.

Leong S. H. 1997. Some Observations on a Newly Found Dongson Type Bronze Kettledrum from Selangor. *Jurnal Seri Alam* 4: 1-18.

Leong S. H. 2002. Heger I Type Drums Found In Malaysia: Some Comments on the Significances of These Finds. *Proceeding International Seminar on Dongson Culture and Tradition in Southeast Asia.* 14 -17 Januari. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia.

Loofs-Wissowa, H. H. E., 1991. Dongson Drums: Instruments of Shamanism or Regalia*? Arts Asiatiques* 46: 39 – 49.

Mokhtar Saidin. 1997. *Kebudayaan Paleolitik di Malaysia, Sumbangan Tapak Lawin, Perak dan Tingkayu, Sabah.* Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.

Mokhtar Saidin. 2011. Dari Zaman Batu ke Tamadun Awal di Malaysia: Pemerkasaan jati Diri Bangsa. *Siri Arkeologi Perdana.* Universiti Sains Malaysia.

Mahdi Bahar, 2006. Ketuaan budaya gong perunggu Minangkabau: Satu lagi penolakan teori Dong Son. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 19: 49-71.

Niita, E. 2002. The Mekong Basin toward society based on Heger I drums and Bronze Halberds. Excavation of Dai Trach: A Bronze Age settlement site in the Red River Plain. *The 7th Congress Indo Pacific Academia Sinica*, Taipei, Taiwan. R.O.C. 9 - 5.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1998. *Early History*. 4. Singapore: Archipelago Press.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2001. Loceng gangsa Penchu Muar Johor dalam kontaks Zaman Gangsa Malaysia. *Jurnal Warisan Johor* 5: 165-173.

Peacock, B. A. V. 1965. Gendang di Kampung Sg. Lang. *Malaysia dari Segi Sejarah* 5: 17-30

Peacock, B. A. V. 1971. Dua buah Gendang Dongson Dari Kuala Terengganu. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 6: 15-20

Peacock, B. A. V. 1963. A preliminary Note on the Dongson Bronze Drums from Kampong Sungai Lang. *FMJ* 3-10: 1-3.

Sorensen, P., 2002. The Dongson culture and tradition in Southeast Asia. *Proceeding International seminar on Dongson Culture and Tradition in Southeast Asia*, Malaysia. 14-17 Januari. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia.

Nordiana Nasuha Molinka
Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo
Universiti Malaysia Sabah
Email: dianafiles17@gmail.com

Baszley Bee B. Basrah Bee
Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo
Universiti Malaysia Sabah
Email: baszley@ums.edu.my

Maureen De Silva
Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo
Universiti Malaysia Sabah
Email: maureend@ums.edu.my